

## **SENARAI SEMAK UNTUK PELANCARAN 1M 1S DAN LARIAN 1M 1S 1MALAYSIA**

### **1. TARIKH LARIAN & CADANGAN ATUR CARA**

(telah dimaklum melalui siaran JPNPP(SUK)600-15/5(09) bertarikh 21 April 2011)

**Tarikh** : 2 Julai 2011 (Sabtu)

**Jarak** : Sekurang-kurangnya 1.5km

#### **Atur Cara yang dicadangkan:-**

6.45 – 7.00 pagi – Pendaftaran (Perhimpunan)

- Senaman beramai-ramai

- Bacaan Doa

7.20 – 7.30 pagi - Ucapan Perutusan YAB TPM merangkap Menteri Pelajaran

(diadakan secara langsung melalui siaran TV / Eduweb)

- Pelancaran Dasar 1M 1S

7.45 pagi

- Pelepasan Larian 1M 1S 1Malaysia serentak seluruh negara

- Aktiviti sukan / pameran sukan

12.30 tgh

- Bersurai

### **2. PENDAFTARAN PESERTA**

Boleh diadakan pendaftaran mulai 1 Mei 2011 dengan memuat turun borang melalui laman web <http://www.moe.gov.my.bsukan> Telah dimaklum kepada sekolah melalui siaran bil. rujukan JPNPP(SUK)600-14/5(09) bertarikh 21 April 2011.

Setelah diisi nama dalam borang pendaftaran, borang tersebut hendaklah diemail kepada Kementerian Pelajaran Malaysia melalui alamat email – [pp1m1s@gmail.com](mailto:pp1m1s@gmail.com) (Pn. Noorawati bt. A. Rahim, No. Tel : 03 -88841326)

### **3. NOMBOR PESERTA** (Syarat yang dikenakan oleh *The Malaysia Book of Records*)

Semasa pendaftaran, setiap sekolah hendaklah memulakan nombor pendaftaran dengan 0001 dan seterusnya.

Nombor pendaftaran hendaklah dipakai (di bahagian hadapan sahaja) oleh setiap peserta semasa larian. Unit Sukan mencadangkan setiap pelajar menyiapkan nombor masing-masing (boleh dibuat semasa matapelajaran seni lukis). (Nombor boleh dibuat di atas kain / kertas putih – saiznya kertas A4 dilipat dua, warna nombor hendaklah berwarna hitam. Saiz setiap nombor - 11 sm tinggi X 3.5 sm lebar dengan tebalnya tulisan 1.5sm.

### **4. SIJIL PENYERTAAN UNTUK PESERTA**

Setiap pelajar / peserta yang menyertai larian diberi Sijil Penyertaan. Sijil Penyertaan boleh dimuat turun dari laman web <http://www.msspp.com> (muka surat 13 – Larian 1M 1S 1Malaysia) Sekolah dikehendaki mencetak sijil penyertaan tersebut dan edarken kepada para peserta.

### **5. PEMANTAUAN LARIAN 1M 1S 1MALAYSIA OLEH PEGAWAI JPN /PPD**

Jabatan Pelajaran Pulau Pinang dan Pejabat Pelajaran Daerah telah mengatur pegawai untuk bersama setiap sekolah dalam Larian di peringkat sekolah.

### **6. KESELAMATAN PELAJAR**

**Keselamatan pelajar hendaklah diUTAMAKAN.** Pihak sekolah dikehendaki memaklumkan pihak polis tentang larian sekolah mereka termasuk laluan larian. (Telah dimaklumkan kepada semua sekolah melalui siaran - JPNPP(SUK)60014/5(54) bertarikh 7 Jun 2011

### **7. LAPORAN LARIAAN**

Format laporan hendaklah dimuat turun dari portal Bahagian Sukan ([www.moe.gov.my/bsukan](http://www.moe.gov.my/bsukan)) mulai 6 Jun 2011. Borang Penyertaan sebenar yang disahkan oleh Pengetua / Guru Besar yang diimbis (scan) hendaklah diemail kepada Bahagian Sukan ([pp1m1s@gmail.com](mailto:pp1m1s@gmail.com)) mulai 2 hingga 8 Julai 2011.

Rakaman video dan gambar pegun hendaklah diatur mengikut a) Pendaftaran b) Permulaan Larian c) Ketika larian berlangsung d) Tamat larian e) Aktiviti-aktiviti lain (dihantar bersama laporan – rujuk siaran ke sekolah K(BPSH-SPKD)600 Jld 6 (22) bertarikh 6 Mei 2011)

### **8. KEMUDAHAN CUTI GANTI**

Sila rujuk siaran ke sekolah bertarikh 20 Jun 2011 KP(BPSH-SPDK)201/005/02/JLD.3(1) dari Pejabat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.

### **9. PORTAL BAHAGIAN SUKAN ([www.moe.gov.my/bsukan](http://www.moe.gov.my/bsukan))**

Dipohon sekolah-sekolah sentiasa merujuk kepada portal ini untuk mendapatkan maklumat yang terkini.